



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KESEJAHTERAAN WANITA TERAS UTAMA KEPIMPINAN BERKESAN

KOTA KINABALU, 19 JUN - Program Inspirasi Wanita: *Lead To Well-Being* disempurnakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YBhg. Datuk Dr. Maziah Che Yusoff, di Kota Kinabalu mewakili Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Seri Hajah Nancy Shukri.

Selaras dengan pelancaran Dasar Wanita Negara (DWN) dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita (PTPW) 2025-2030, dalam teksnya YBM menegaskan bahawa antara teras bidang keutamaan adalah mensasarkan matlamat untuk memperkukuh kesejahteraan wanita yang inklusif dalam masyarakat dengan tiga keberhasilan dan sebelas strategi telah digariskan dibawahnya.

Merujuk kepada tema program ini, *Lead to Wellbeing* mengingatkan semua tentang kepentingan untuk memimpin diri sendiri ke arah kesejahteraan yang lebih baik. Kesejahteraan yang dibicarakan pada hari ini merangkumi pelbagai dimensi seperti kesejahteraan fizikal, kesejahteraan mental dan emosi, kesejahteraan sosial serta kesejahteraan rohani. Perkongsian oleh tokoh-tokoh wanita dalam bidang ini dapat memberi inspirasi kepada wanita untuk terus kekal positif dan sejahtera.

Menurut data Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (*National Health and Morbidity Survey, NHMS*) 2019, lebih 29 peratus wanita dewasa di negara ini mengalami simptom kemurungan atau keresahan dan angka ini dijangka terus meningkat. Perkara ini memberi isyarat yang amat jelas kepada kita semua bahawa kesejahteraan bukanlah isu sampingan. Sebaliknya, ia adalah asas penting yang perlu diberi perhatian serius dalam membentuk kepimpinan wanita yang holistik, berdaya tahan dan berimpak tinggi.

Antara aktiviti yang dijalankan ialah ceramah *Lets Talk: How Women To be On Board?* disampaikan oleh *Institute of Corporate Directors Malaysia (ICDM)*, forum *LeadHer Catch Up-Strong, Wise, Well* dan slot *ArtHeals-Paint Your Peace* serta ucap tama perasmian yang disempurnakan oleh Ketua Setiausaha KPWK.

Turut hadir Ketua Pengarah JPW, YBrs Puan Hanani Sapit dan Pegawai pegawai Kanan Jabatan dan Agensi Kementerian.

####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
19 JUN 2025**